

KHAMIS, 14 FEBRUARI 2019



Sarawak

Sabah

Nasional

Dunia

Iban

Sukan

Ekonomi

Mahkamah

Rencana

Horizon

Hiburan

Kolum

Halaman Utama » Sarawak » Produk berasaskan ganja perlu pemantauan ketat

Carian

Produk berasaskan ganja perlu pemantauan ketat

Suka Kami Di Facebook

© 2019-02-14T00:30:01+08:00

KUCHING: Penjualan, pengedaran dan pengimportan produk berasaskan ganja bagi tujuan perubatan perlu dipantau dengan ketat.

Perkara itu ditegaskan Naib Presiden Persatuan Suara Konsumer Sarawak (COVAS) Philip Ng bagi mengelak penyalahgunaan produk berkenaan.

“COVAS percaya asalkan produk berasaskan ganja bagi tujuan perubatan dan ia terbukti berkesan dan perlu, kami bersetuju pengimportannya dibenarkan.

“Bagaimanapun pada masa sama kita juga bimbang penyalahgunaan produk ini oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

“Justeru penjualan, pengedaran dan pengimportan produk berasaskan ganja bagi tujuan perubatan mesti dipantau dengan ketat,” tegasnya kepada Utusan Borneo semalam.

Ng berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai kenyataan Timbalan Menteri Kesihatan Dr Lee Boon Chye Isnin lepas iaitu mana-mana syarikat yang berhasrat mengimport produk berasaskan ganja bagi tujuan perubatan perlu mematuhi tiga syarat dan mendaftarkannya dengan Kementerian Kesihatan.

Dr Lee dipetik oleh sebuah portal berita sebagai berkata, antara aspek yang diteliti kerajaan sebelum mengesahkan sesuatu produk sebagai ubat adalah selamat digunakan, terbukti berkesan dan maklumat kegunaan yang jelas.

“Walaupun ganja diklasifikasikan sebagai dadah berbahaya tetapi ada dadah berbahaya seperti morfin yang digunakan sebagai ubat, namun digunakan dengan formulasi dan kuantiti tertentu.

“Jadi, sekiranya hendak import ubat perlu berdaftar di bahagian farmasi Kementerian Kesihatan. Kalau sudah berdaftar dan melepasi syarat dikenakan maka ia boleh digunakan mengikut syarat-syarat ditetapkan,” ujarnya.

Terdahulu media melaporkan, Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Datuk Seri Zulkifli Abdullah berkata, pokok ganja boleh diusahakan bagi tujuan perubatan dan kajian, namun perlu memperoleh kebenaran menteri kesihatan.

Jelas Zulkifli, terdapat peruntukan undang-undang yang membenarkan penanaman pokok ganja dengan syarat atau kebenaran khusus.

Zulkifli berkata demikian selepas syarikat milik rakyat Malaysia di United Kingdom terkenal dengan penghasilan minyak cannabidiol (CBD), sejenis sebatian kimia dalam ganja, untuk tujuan perubatan.

Syarikat yang diasaskan Abdul Halim Pauzi, Nurul Ain Sahbudin dan Mohd Roslan itu memasarkan minyak CBD itu ke negara Eropah.

“Jadi saya rasa sayanglah kalau benda ini betul dan boleh dilakukan di dalam negara. Kalau kita tengok Akta Dadah Berbahaya, pokok ganja ini boleh diusahakan untuk tujuan perubatan,” kata Zulkifli.

Sebatian CBD tidak menyebabkan penggunaanya khayal. Sebatian kimia dalam ganja yang menyebabkan khayal adalah tetrahydrocannabinol (THC).

 oleh Patricia Gari

Kategory Sarawak

